

Tuanku Muhriz lawat Pameran Kesusasteraan Rakyat Negeri

KUALA LUMPUR 19 April - Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud berkenan untuk melawat

Pameran Kesusasteraan Rakyat Negeri Sembilan di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, pada 23 April ini.

Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan (Permanis) UPM, Zulkifli Kamaruddin ber-

kata, Tuanku Muhriz turut berkenan untuk menyampaikan sumbangan kepada 15 pencerita sastera rakyat Negeri Sembilan pada majlis itu.

"Pameran anjuran Permanis UPM itu memaparkan 25 cerita rakyat dan

100 keping foto kesan sejarah berkaitan cerita rakyat berkenaan mulai 21 hingga 24 April," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, antara cerita rakyat yang dipaparkan adalah Legen-

da Bukit Jong, Asal Usul Nama Bandar Seremban, Misteri Buaya Putih Sungai Linggi dan kisah kesaktian pahlawan Negeri Sembilan seperti Datuk Moyang Salleh, Penghulu Nam serta Tok Godang.